

## Samarahan paling teruk

**Kuching:** Keadaan jerebu di Sarawak semakin teruk, semalam dengan Bahagian Samarahan mencatatkan bacaan tertinggi Indeks Pencemaran Udara (IPU) melepasi paras kualiti udara tidak sihat.

Sehingga jam 2 petang semalam, Stesen Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak merekodkan bacaan IPU 181 diikuti Bahagian Sri Aman (175) dan Bahagian Kuching (167), malah keadaan dijangka bertambah buruk berikutan peralihan laluan angin dari Kalimantan, Indonesia selain peningkatan jumlah titik panas di wilayah negara jiran itu.

Di bandar raya ini, hampir sebahagian besar kawasan dilitupi jerebu tebal, sekali gus menghehadkan jarak penglihatan kurang dari 1,000 meter.

Keadaan itu turut menjejaskan operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) dengan sekurang-kurangnya 59 penerbangan masuk dan keluar mengalami kelewatan dalam tempoh 24 jam bermula jam 6 pagi kelmarin hingga 5 pagi semalam.

Pengurus Kanan LTAK Mohd Nadzim Hashim berkata, keseluruhannya 8,000 penumpang terjejas disebabkan jadual penerbangan yang terpaksa disusun semula dengan ada penerbangan turut dibatalkan

KEADAAN jerebu di Pangkalan Udara TUDM, Subang.



KAKI langit Kuala Lumpur tidak kelihatan daripada Taman Tasik Titiwangsa.



### ANCAMAN JEREBU

# 17

## kawasan 'sesak nafas'

### Tiga kawasan di Sarawak catat bacaan IPU tertinggi

Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**B**ilangan lokasi terjejas akibat jerebu semakin meningkat kepada 17 kawasan di seluruh negara sehingga jam 5 petang semalam dengan Sarawak paling teruk diselaputi asap.

Mengikut laporan dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), tiga kawasan di Sarawak yang mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tertinggi ialah Samarahan (184), Sri Aman (177) dan Kuching (164).

"Empat belas lagi kawasan mencatat IPU tidak sihat ialah Nilai (135), Tanjung Malim (125), Seremban (123), Pasir Gudang (116) dan Bukit Rambai, Melaka (114).

"Turut sama ialah Batu Muda Kuala Lumpur (114), Petaling Jaya dan Banting masing-masing (110), Larkin Lama, (109), Pelabuhan

Klang dan Shah Alam (107), Port Dickson, (105) dan bandar raya Melaka serta Putrajaya (103)," kata laporan itu.

Laporan turut menyebut kualiti udara di 29 kawasan lain mencatatkan bacaan sederhana manakala enam lokasi lagi merekodkan IPU baik.

"Antara 29 kawasan bacaan IPU sederhana ialah Kota Tinggi (82), Bakar Arang Sungai Petani (66), Tanjung Chat Kota Bharu (52), Balok Baru Kuantan (85) dan Seri Manjong Ipoh, (62).

"Selain itu, bacaan sederhana dicatatkan di Seberang Jaya 2 Perai, Keningau, Tawau, Bintulu, Miri, Sibul, Kemaman, Kuala Terengganu dan Labuan," katanya.

IPU antara 0 dan 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (berbahaya).

Bacaan IPU semasa boleh didapati di <http://apims.doe.gov.my>.

atas faktor keselamatan.

"Keseluruhannya, 59 penerbangan mengalami kelewatan, masing-masing 31 penerbangan ketibaan dan 28 penerbangan berlepas.

"Sebanyak 11 penerbangan terpaksa dibatalkan selepas mengambil risiko berkaitan susulan jerebu terutama jarak penglihatan yang terhad," katanya ketika dihubungi, semalam.

